



**Untuk Siaran Segera  
16 Julai 2025**

## **PNB Raih Kedudukan Tertinggi di Malaysia dan ke-17 di Peringkat Global dalam Skor GSR SWF Global 2025**

**Kuala Lumpur, 16 Julai 2025** – Permodalan Nasional Berhad (PNB) disenaraikan pada kedudukan tertinggi di Malaysia dan tempat ke-17 di peringkat global dalam kalangan Dana Kekayaan Negara SWF (Sovereign Wealth Funds) pada Papan Skor SWF GSR (Governance, Sustainability and Resilience) 2025 yang diterbitkan oleh Global SWF.

Papan Skor GSR menilai lebih 200 institusi pelaburan milik negara di seluruh dunia, dengan menilai prestasi mereka dalam amalan tadbir urus, komitmen kelestarian dan daya tahan institusi mereka.

PNB memperoleh markah keseluruhan sebanyak 84%, termasuk skor sempurna 10/10 dalam aspek kelestarian—mengiktiraf tahap ketelusan, sasaran iklim strategik, dan pengintegrasian ESG yang konsisten dalam operasi dan pelaburan. Kedudukan ini mencerminkan kemajuan ketara yang telah dicapai oleh PNB dalam memperkukuh tadbir urus, menerapkan kelestarian dalam proses pelaburan, dan meningkatkan daya tahan jangka panjang institusi.

Prestasi PNB adalah sejajar dengan kemajuan 10 Komitmen ESG yang diperkenalkan pada tahun 2022 sebagai panduan kepada perjalanan kelestarian organisasi. Antara pencapaian penting setakat ini termasuk:

### **Komitmen #1: Perusahaan Sifar Bersih Menjelang 2025**

PNB terus mengurangkan jejak karbon operasinya melalui strategi *Reduce, Replace, Offset* (R2O) yang merangkumi inisiatif kecekapan tenaga dan pengurangan sisa, penggunaan tenaga boleh diperbaharui, dan menggalakkan amalan tempat kerja lestari. Sehingga laporan terkini, PNB telah mencapai pengurangan sebanyak 98% dalam pelepasan Skop 1 dan 2 berbanding garis dasar 2022 dan berada di landasan yang tepat untuk mencapai komitmen Perusahaan Sifar Bersih menjelang 2025.

### **Komitmen #2: Portfolio Sifar Bersih Menjelang 2050**

Dipandu oleh sasaran iklim interim 2030, PNB terus meningkatkan usaha untuk penyahkarbonan portfolio pelaburannya. Ini termasuk berhubung dengan

penyumbang pelepasan tertinggi dan syarikat strategik dalam portfolio kami untuk meningkatkan aspirasi iklim dan ketelusan terhadap strategi serta pelan penyahkarbonan, mengintegrasikan pertimbangan iklim ke dalam pengundian proksi kami, dan menerapkan tingkah laku pelaburan prihatin karbon dalam proses membuat keputusan kami. Melalui usaha-usaha ini, kami sasarkan untuk membina portfolio pelaburan yang berdaya tahan terhadap iklim yang dapat menyokong dan pertumbuhan nilai jangka panjang selaras dengan peralihan kepada ekonomi rendah karbon.

### **Komitmen #3: RM10 Bilion dalam Aset Hijau dan Peralihan Baharu Menjelang 2030**

Setakat ini, PNB telah menggerakkan sebanyak RM5.5 bilion ke dalam pelaburan yang sejajar dengan agenda hijau dan peralihan, termasuk bangunan hijau, tenaga boleh diperbaharui dan pengangkutan bersih. Ini mewakili 55% pencapaian daripada sasaran 2030, dan kami akan terus meneroka peluang pelaburan baharu yang boleh dimanfaatkan melalui agenda peralihan tenaga.

### **Komitmen #4: Gaji Kehidupan Wajar**

PNB telah melaksanakan gaji kehidupan wajar di seluruh organisasinya pada tahun 2023, bagi memastikan semua pekerja menerima imbuhan yang adil untuk memenuhi keperluan asas kehidupan. Pada tahun 2025, kami memperluaskan usaha pemantauan kami kepada syarikat strategik untuk menggalakkan pelaksanaan gaji kehidupan wajar. Selaras dengan inisiatif GEAR-uP oleh Kerajaan, kami berhasrat untuk menggalakkan syarikat pelaburan agar menerima pakai komitmen gaji kehidupan wajar bagi merangsang budaya imbuhan yang lebih progresif dalam kalangan Korporat Malaysia.

“Pencapaian kedudukan ini mengiktiraf usaha yang telah kami laksanakan untuk menerapkan amalan bertanggungjawab dan kelestarian dalam perniagaan serta pelaburan kami. Ia juga menjadi pendorong untuk kami mencipta nilai jangka panjang bagi pemegang unit dan menyumbang kepada ekonomi Malaysia secara menyeluruh, selaras dengan matlamat PNB untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat Malaysia merentas generasi,” kata Dato’ Rick Ramli, Timbalan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB.

Papan Skor GSR Global SWF berfungsi sebagai penanda aras bagi penerapan dan akauntabiliti ESG dalam kalangan institusi pelaburan milik negara bebas. Kedudukan kukuh PNB ini menyerlahkan kepimpinannya di rantau ini dalam membentuk ekosistem kewangan yang lebih lestari dan inklusif.

**Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**